



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	97 PROJEK REFORMASI KERENAH BIROKRASI DILAKSANA JIMATKAN KOS PEMATUHAN RM873.5J, NASIONAL, BERITA HARIAN - 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	64,000 BENIH IKAN DILEPASKAN KE SUNGAI DUNGUN, TERENGGANU, HAKAKAH – 14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	STESAN PAM ATASI ISU BANJIR 227 EKAR SAWAH DI ARAU, PERLIS, HAKAKAH – 16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	GOLDEN MELON PROJECT BY UNIVERSITY BEARS FRUIT, NATIONAL, THE SUN – 6	LAIN-LAIN
5.	LADANG ANGGUR PETIK SENDIRI DI TENGAH 'GURUN', FIKRAH, HAKAKAH – 8	
6.	GRAND PRIX MEMBURU IKAN ASING NEGERI PERAK MERIAH, GEWANG, KOSMO – 26	
7.	HARUMANIS KELANTAN, HARUMANIS HARAPAN, FIKRAH, HAKAKAH – F1, F2 & F3	
8.	TONGSAN SUSU SPESIS DARI INDIA, GEWANG, KOSMO – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

97 projek Reformasi Kerenah Birokrasi dilaksanakan jimatkan kos pematuhan RM873.5j

Putrajaya: Komitmen Kerajaan MADANI dalam membanteras kerenah birokrasi terus membuahkan hasil apabila 97 projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) berjaya dilaksanakan di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), sekali gus menjimatkan kos pematuhan tahunan sebanyak RM873.5 juta.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) selepas Mesyuarat STAR Bilangan 6/2025 yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, STAR memaklumkan kejayaan itu membantu mempercepatkan urusan rakyat, perniagaan serta melonjakkan produktiviti negara.

STAR berkata, mesyuarat turut menyaksikan penyampaian sijil pengiktirafan RKB kepada empat kementerian yang berjaya melaksanakan projek reformasi berimpak tinggi, iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Kenyataan itu memaklumkan, KPKM menerima pengiktirafan RKB bagi kejayaan mempercepat kelulusan dan pengagihan bantuan melalui pendigitalan proses serta data, manakala KKR pula berjaya memendekkan tempoh penilaian tender daripada 35 hari kepada 18 hari yang menjimatkan lebih RM1.1 juta setahun.

Sementara itu, KPN berjaya

mengurangkan tempoh penilaian permohonan Rukun Tetangga daripada 90 hari kepada 30 hari dan MOTAC mempercepat proses kelulusan kenderaan pelancongan di Sabah, Sarawak dan Labuan daripada lima hari kepada sehari yang menjimatkan kos pematuhan tahunan sebanyak RM160,000 serta menyokong pertumbuhan industri pelancongan tempatan.

Bincang perkara strategik

STAR berkata, mesyuarat turut membincangkan beberapa perkara strategik, termasuk cadangan menangani penyeludupan ternakan di sempadan Malaysia-Thailand serta pengubalan Akta Koperasi baharu bagi menggantikan Akta 502.

Menurut STAR, pembentangan makluman turut dibuat mengenai perkembangan Akta ILTIZAM Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan, pembangunan Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA) dan hasil Mesyuarat Peringkat Tertinggi ARPA Bilangan 1/2025 yang dipengerusikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

STAR diselaraskan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dalam memperkukuh pendekatan kerajaan secara menyeluruh agar pelaksanaan dasar dan reformasi dapat disegerakan serta dipantau secara berkesan. BERNAMA

64,000 benih ikan dilepaskan ke sungai Dungun

DUNGUN: Kerajaan negeri Terengganu memperuntukkan sebanyak RM36,300 bagi program pelepasan 64,130 benih ikan air tawar pelbagai spesies ke Sungai Dungun berhampiran Kampung Jongkok Batu.

Ia melibatkan 130 ekor ikan kelah, 6,000 baung, 12,000 lampam sungai, 5,000 terbul, 1,000 sebarau dan 40,000 udang galah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, program tersebut bertujuan memulihara sumber asli sungai dan meningkatkan populasi spesies tempatan.

"Saya rasa di sini yang paling istimewa, sebab ada kelah. Tempat lain tiada kelah. Jadi biar dia membiak. Alhamdulillah, hasil daripada pelbagai program pelepasan benih ikan yang kita buat dan masyarakat di sini pula pakat jaga, itu yang paling penting," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Peralatan Nelayan Darat dan In-



Azman (lima dari kiri) pada sesi melepaskan benih ikan air tawar di Kampung Jongkok Batu, Terengganu.

sentif Input Akuakultur, di sini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Dr. Sukati Sakka, Pengarah Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Terengganu, Pang Yukang serta Pegawai Khas (Tanah Persekutuan) Pejabat Menteri Besar Terengganu, Naraza Muda.

Azman turut mengingatkan

orang ramai agar tidak menggunakan kaedah penangkapan yang merosakkan habitat seperti racun, bom dan kejutan elektrik.

"Ikan ini tidak akan habis. Kalau kita setakat memukat, tahan taut, mengail, menyulam (ikan) tidak akan habis. Yang habisnya bila kita pergi racun dia. Pergi tuba, bom, 'karan' (menggunakan

an elektrik) lagi dan macam-macam, maka habislah anak-cucu dia. Jadi bila habis, sampai setakat itu sahajalah.

"Kalau kita tuba, kita ambil setakat yang kita nak. Selepas itu kita tinggal, lihat ke belakang yang terapung itu siapa yang nak kutip?" Soalnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa benih yang

dilepaskan kali ini bersaiz lebih besar berbanding program terdahulu, bagi meningkatkan kadar kelangsungan hidup.

"Bila lepas yang besar semoga dia hidup dengan lebih tinggi dan membiak. Sebab spesies yang kita lepas ini spesies yang jenis membiak dan spesies tempatan," katanya.

Stesen pam atasi isu banjir 227 ekar sawah di Arau

ARAU: Masalah banjir yang sekian lama menjejaskan kawasan sawah seluas 227 ekar di Simpang Empat, Arau berjaya diselesaikan menerusi pembinaan sebuah stesen pam elektrik bernilai RM650,000 oleh Kerajaan Negeri Perlis.

Stesen pam di sistem blok pengaliran ALBDr 8, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang siap sepenuhnya pada 21 Mac lalu memberi manfaat kepada kira-kira 250 pesawah di Kampung Bendang Baru, Tok Pulau, Chantek Bangun dan Bongor Kudong.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Desa Negeri, Razali Saad berkata, stesen pam itu mempercepatkan proses pengaliran air keluar dari kawasan bendang sekaligus mengelakkan kerosakan tanaman akibat banjir.

"Isu ini telah berlarutan hampir

sedekad dan kini berjaya diselesaikan. Stesen ini memainkan peranan penting dalam melindungi sawah daripada ditenggelami air ketika musim hujan," katanya.

Tambah beliau, projek itu disiapkan mengikut jadual oleh kontraktor yang dilantik dengan pembiayaan penuh kerajaan negeri sebagai komitmen membantu petani mengurangkan kerugian akibat bencana alam.

"Dua buah lagi stesen pam elektrik baharu akan dibina di Guar Sanji dalam masa terdekat sebagai langkah jangka panjang menyelesaikan isu banjir sawah," katanya.

Terdahulu, hujan lebat berterusan pada September 2024 menyebabkan lebih 6,000 hektar sawah padi di Kedah dan Perlis ditenggelami air, dengan kerugian mencecah RM40 juta. Sebanyak 20 hektar sawah di Perlis turut terjejas dalam kejadian tersebut.



Razali (tengah) ketika melakukan tinjauan di stesen pam elektrik di sistem blok pengaliran ALBDr 8, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Simpang Empat, Arau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2025	THE SUN	NATIONAL	6

Golden melon project by university bears fruit

MALACCA: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), through its Electrical Technology and Engineering Faculty, has contributed to the cultivation of premium golden melon using a fertigation system in Kampung Pulau, Masjid Tanah.

Lead researcher Assoc Prof Dr Muhammad Herman Jamaluddin said the technology includes an automated irrigation system designed to deliver fertiliser to each plant at scheduled intervals.

He added that the project is managed by the local *surau* community and residents of Kampung Pulau who were trained in using the system, including fertilisation techniques, water management and pest and disease control.

"The system regulates fertiliser concentration to meet the standards for premium melons, which are in high market demand.

"It is also equipped with lights to enhance photosynthesis at night.

"During the first season, seedlings were planted and the revenue from selling the fruits was reinvested to increase the capacity for the second season."

With this technology, the Kampung Pulau Village Development and Security Committee estimates that sales revenue from the second harvest could reach RM4,000, almost double the amount compared with the previous season.

UTeM vice-chancellor Prof Datuk Dr Massila Kamalrudin said the achievement was one of the university's successes in sharing its expertise to help improve the local economy.

She said the project was implemented through the Madani Adopted Village programme, a Higher Education Ministry initiative lead by the university via the UTeM-Malacca RICE Collaboration Management Centre.

"This project not only benefits the public but also provides practical experience for students and lecturers."

- Bernama



Dua pengunjung merakam kenangan dengan anggur hijau.



Laluan terowong anggur menyediakan lokasi terbaik buat pengunjung untuk bergambar.



Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor ketika mengadakan kunjungan di Uniq Fruits Farm.

Ladang anggur petik sendiri di tengah 'Gurun'

Oleh YUSMAN AWANG

SIAPA sangka di negeri jelang padi Kedah, tersembunyi sebuah ladang anggur yang segar, manis dan 'menggoda' – Uniq Fruits Farm Sdn Bhd terletak di Kampung Baru Padang Lembu, Gurun.

Walaupun namanya 'Gurun', kawasan ini bukanlah padang pasir. Sebaliknya ia sebuah kampung dengan cuaca panas dan kering secara mengejutkan, yang sangat sesuai untuk penanaman anggur.

Uniq Fruits Farm adalah ladang milik bapa kepada tujuh anak, Tan Soon Huat yang diusahakan dengan menanam anggur premium berasal dari negara-negara empat musim. Sejumlah kira-kira 20 jenis anggur yang terkenal dari seluruh dunia antaranya Amerika Syarikat, Jepun dan China ditanam di ladang tersebut menggunakan teknik buatan empat musim.

Sesungguhnya ia bukan sekadar ladang – ia satu pengalaman yang membawa anda lebih dekat dengan

alam, lengkap dengan peluang untuk memetik sendiri anggur, menikmati keindahan landskap ladang dan berinteraksi dengan haiwan-haiwan comel di mini-zoo mereka.

Apa yang uniknya, Uniq Fruits Farm menawarkan sesuatu yang jarang ditemui – pengalaman memetik anggur dalam suasana tropika Malaysia!

Sesuai untuk keluarga, rakan-rakan, atau pasangan yang ingin melarikan diri seketika dari hiruk-pikuk bandar.

Suasana ladang yang tenang, hasil segar dari pokok, dan keramahan suasana kampung menjadikan ladang ini sebagai permata tersembunyi di Gurun, Kedah. Petik. Rasa. Nikmati. Di Uniq Fruits Farm.



Zoo mini menambahkan lagi keceriaan suasana di Uniq Fruits Farm.

LOKASI & AKSES

- **Alamat:** Padang Lembu, Kampung Baru Padang Lembu, 08300 Gurun, Kedah
- **Waktu Operasi:** Setiap hari, 8:30 pagi – 5:00 petang
- **Bayaran Masuk:** Dewasa RM10 | Kanak-kanak RM5
- **Hubungi:** 013-815 8008

Apa yang menanti anda di sana?

Petik sendiri buah anggur

Bawa pulang anggur yang anda sendiri petik! Setiap pokok anggur dibiarkan merimbun dan berbuah lebat – cukup sempurna untuk dimuat naik ke Instagram. Pengalaman ini bukan sahaja menarik untuk dewasa, malah mendidik untuk kanak-kanak.

Bergambar di terowong anggur

Barisan pokok anggur yang dibentuk menjadi 'kanopi semula jadi' mencipta latar belakang yang cantik untuk sesi fotografi santai atau kenangan keluarga. Ramai pengunjung datang khusus hanya untuk gambar-gambar memukau ini!

Mini zoo mesra keluarga

Sebuah mini zoo kecil juga tersedia untuk kanak-kanak. Burung merak, ayam eksotik, dan haiwan peliharaan lain memberi peluang untuk anak-anak berinteraksi dengan alam sekitar. Sesuai sangat untuk ibu bapa yang nak beri pengalaman luar biasa kepada anak-anak kecil.

Makan & rehat

Selepas puas memetik dan bergambar, anda boleh singgah ke beberapa kafe tempatan berdekatan seperti MJ Kitchen, terkenal dengan kambing bakar dan masakan kampung yang lazat.

Tips berguna sebelum ke sana

Musim buah: Hubungi pihak ladang terlebih dahulu untuk memastikan buah anggur sedang berbuah dan sedia dipetik.

Pakaian selesa: Pakai pakaian ringan, topi dan pelindung matahari kerana cuaca di sini agak panas.

Bekalan air & tuala: Tidak banyak kemudahan awam, jadi sediakan sendiri air minuman dan tuala kecil.

Hormati ladang: Jangan rosakkan tanaman dan sentiasa jaga kebersihan.

Grand Prix Memburu Ikan Asing Negeri Perak meriah

PADA 12 & 13 Julai lalu, Jabatan Perikanan Negeri Perak telah menganjurkan Grand Prix Memburu Ikan Asing Siri 1 2025 Negeri Perak bertempat di Taman Dr. Seenivasagam, Ipoh sebagai salah satu usaha mengurangkan populasi spesies ikan asing di perairan negeri itu.



Oleh **Mohd. Mochtar Mutaffa**

PROGRAM itu merupakan siri pertama daripada tiga siri yang akan dijalankan di seluruh Perak, dan peserta berpeluang merebut hadiah utama RM5,000.

Pada 12 Julai lalu, seawal pukul 8 pagi, para peserta mula datang untuk membuat pendaftaran. Peserta-peserta yang hadir terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari sekitar Perak dan Selangor.

Bagi format pertandingan, peserta dikehendaki menangkap seberapa banyak ikan asing yang telah ditetapkan penganjur iaitu ikan bandaraya, baung ekor merah, Amazon redtail catfish, patin Chao Phraya dan peacock bass.

Pemenang-pemenang akan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Kategori Jumlah Keseluruhan Berat Ikan dan Kategori Jumlah Bilangan Ikan Terbanyak.

Pertandingan tamat secara rasminya pada pukul 4 petang

“Untuk pengetahuan umum, perbuatan melepaskan spesies ikan asing juga boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perikanan 1985.”

keesokannya.

Rata-rata peserta berjaya mendaratkan antara 200 hingga 300 kilogram ikan asing.

Pengarah Perikanan Negeri Perak, Mohd. Ghazali A. Manap telah hadir merasmikan majlis penutup Grand Prix Memburu Ikan Asing Siri 1 2025 Negeri Perak.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan program yang berlangsung di daerah Kinta itu merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perikanan Negeri Perak untuk mengurangkan populasi ikan asing di perairan umum negeri tersebut.

Program itu merupakan kesinambungan daripada aktiviti yang telah dijalankan di Pulau Cempakasari, Parit pada tahun lalu.

Bagaimanapun, program kali ini telah berjaya memecah rekod tangkapan ikan asing iaitu sebanyak 2.3 tan bersamaan 6,420 ekor.

Program seterusnya akan dilaksanakan pada 16 dan 17 Ogos ini di Jeti Nelayan Darat Sungai Galah.

Pada 13 dan 14 September depan pula, acara ini dijadual berlangsung di Dataran Victoria, Kuala Kangsar.



Ikan bandaraya

Hypostomus plecostomus atau lebih dikenali sebagai ikan bandaraya atau pleco di Malaysia merupakan spesies ikan yang berasal dari Amerika Selatan. Ia telah dibawa masuk bagi tujuan sektor perikanan akuarium.

Malangnya, ia secara sengaja

dilepaskan ke perairan umum apabila pemilik sudah tidak mahu membelanya dan spesies itu mula menguasai sungai-sungai utama di negara ini.

Sifat ikan bandaraya yang gemar menyedut makanan di dasar akan menyebabkan ia termakan telur-telur ikan.

Harumanis Kelantan, harumanis harapan

Oleh YUSMAN AWANG

DI TANAH yang dulu hanya menyimpan impian, kini tumbuh pohon harapan. Harumanis – bukan sekadar nama, tetapi satu lambang ketekunan, kepercayaan, dan perubahan yang mula berakar di bumi Kelantan.

Buah yang dahulunya hanya mekar di Perlis kini mehemui tanah baharu untuk menzahirkan potensi, berkat keberanian petani kecil, sokongan institusi, dan gerak

bersama sebuah komuniti yang tidak pernah mengenal putus asa.

Itu bukan perjalanan mudah. Setiap pokok yang ditanam menyimpan cerita – tentang tanah yang digali dengan tangan sendiri, tentang peluh yang tumpah dalam panas mentari, dan tentang sabar menanti hasil yang hanya datang setahun sekali.

Harumanis mengajar satu hal: yang manis itu tidak datang tergesa-gesa, ia menuntut kesungguhan; dan kini, aroma itu sudah terasa di negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Dari Bachok ke Tanah Merah, pokok-pokok harumanis yang dulunya ditanam atas dasar minat, kini menjadi aset ekonomi yang semakin digilap.

Disokong oleh teknologi, bimbingan jabatan pertanian dan kolaborasi strategik dengan negeri asalnya, Perlis, tanaman ini berkembang pesat, disambut pula oleh permintaan pasaran yang semakin melonjak.

Harumanis kini bukan lagi sekadar mimpi dari utara – ia sedang mekar di Kelantan, membawa bersamanya peluang, kepercayaan dan satu langkah baharu dalam landskap pertanian negeri.

KUPASAN ► F2 & F3



Tanam harumanis, tanam harapan baharu

Oleh RIZAL TAHIR

Di sebalik rimbunan pokok di Kampung Kuala Rekan, tersimpan satu kisah luar biasa - kisah tentang seorang lelaki, sebuah ladang, dan buah mangga yang dulunya dianggap 'hak milik eksklusif' negeri di utara Malaysia.

Mohd Ridzuan Jusof, seorang usahawan tani yang bersahaja namun penuh tekad, berdiri di tengah ladangnya dengan senyuman bangga.

Lima tahun lalu, beliau menanam 100 pokok mangga harumanis, tanpa jaminan kejayaan. Hari ini, hanya dengan 40 pokok yang matang, beliau telah berjaya menghasilkan 8,000 biji buah, jauh melepasi jangkaan sesiapa pun.

"Masa mula-mula tanam, orang sekeliling ragu-ragu. Mereka kata tanah sini (Kelantan) tak sesuai. Tapi saya percaya, kalau ada usaha dan sabar, tanah apa pun boleh jadi subur," tuturnya, mengimbas permulaan yang penuh cabaran.

Tak sempat dipasarkan

"Musim pertama? Hanya 50 biji. Musim kedua? 1,500 biji. Kemudian melonjak ke 2,500, dan kini, dalam satu musim - 8,000 biji harumanis yang manis, lemak dan menyelerakan."

Itu kemajuan yang dicapai Mohd Ridzuan dari segi bilangan harumanis yang dihasilkan dari ladang yang diusahakannya.

Lebih membuatkan dirinya berasa terharu ialah setiap biji buah harumanis tidak sempat pun dipasarkan secara luas.

"Pembeli datang sendiri ke ladang. Setiap kali musim tiba, ladang ini tak pernah sunyi. Ada yang sanggup tunggu dari pagi... buah belum petik, mereka dah beratur," ceritanya, dengan suaranya sedikit bergetar.

Harga jualan harumanis di ladang beliau ialah RM30 sekilogram, dan bagi



Kebun Mohd Ridzuan kini berjaya menghasilkan sehingga 8,000 biji harumanis.



Mohd Ridzuan menunjukkan mangga harumanis yang ditanam di kebun miliknya.

pembelian 2 kilogram ke atas, cuma RM50.

Namun bagi Mohd Ridzuan, nilai sebenar bukan pada ringgit, tetapi pada harapan.

Bukan sekadar buah - ini peluang hidup

"Saya pernah lihat sendiri macam mana pertanian ubah hidup orang kampung. Dari

tak ada apa-apa, sekarang ramai dah mula yakin bertani itu boleh jadi kerjaya."

Beliau kini memimpin Persatuan Harumanis Al-Falah Kelantan, yang mempunyai 30 ahli aktif, dan angka itu terus bertambah. Dari sekadar mimpi kecil, kini berkembang jadi gerakan komuniti.

"Ada 10 orang ahli yang dah ada ladang sendiri.

Hari ini, 10 lagi baru masuk. Saya yakin, tak lama lagi kita capai 100 ahli. Inilah jihad ekonomi kita," katanya penuh semangat.

Sokongan dari Putrajaya ke Bachok

Kejayaan Mohd Ridzuan dan komuniti Harumanis ini tidak luput dari perhatian pihak berkuasa. Baru-baru

ini, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohamed Fadzli Hassan sendiri turun padang, menyaksikan sendiri kehebatan ladang ini dan menyampaikan bantuan pertanian.

Lebih membanggakan, kerajaan negeri menerusi Exco Pertanian Dato' Tuan Mohd Saripudin telah memperuntukkan RM120,000 untuk memperkukuh projek ini - termasuk pemberian anak pokok, sistem pengairan moden, kursus teknikal dan lawatan ilmu ke Perlis.

"Pegawai dari Putrajaya pun dah sahkan - benih yang kami guna memang varieti asli Harumanis. Kami bukan tiru-tiru. Ini Harumanis tulen, tapi dari Kelantan!" tegas Mohd Ridzuan.

Satu rumah bau harumanis

Ada yang kata harumanis Kelantan kurang bau berbanding dari Perlis. Mohd Ridzuan tidak cepat melatah.

"Itu semua teknik petik dan peram. Kalau kena cara dia, letak dalam kereta pun, boleh buat orang lapar dalam 5 minit!" katanya sambil ketawa kecil.

Kini, beliau dalam perancangan membuka ladang baru, memanfaatkan tanah kosong yang belum diguna.

"Tanah kita kaya. Rugi kalau biar tidur. Saya seru siapa yang ada tanah terbiar, bangkitlah. Tanam harumanis, tanam harapan baharu," katanya, kali ini dengan mata yang sedikit berkaca.

Justeru di tangan orang biasa, tanah yang biasa, dan buah yang luar biasa - tersimpan kisah tentang usaha, sabar, dan keberanian melawan arus.

Harumanis Kelantan kini bukan lagi eksperimen - ia satu simbol kebangkitan pertanian rakyat. Kalau anda ada tanah kosong, mungkin inilah masanya untuk ikut jejak langkah Mohd Ridzuan. Ini kerana dalam setiap biji Harumanis, ada harapan yang manis.

Harumanis jadi tarikan baharu di Kelantan



Penanaman mangga harumanis yang diusahakan di Pondok Moden Kandis, Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Oleh RIZAL TAHIR

MANGGA harumanis, yang sinonim dengan negeri Perlis, kini mula mencipta nama sebagai komoditi pertanian baharu di Kelantan.

Perkembangan ini bukan sahaja mencerminkan minat rakyat terhadap varieti mangga premium tersebut, tetapi turut memperlihatkan bagaimana kesungguhan komuniti tempatan dan institusi di Kelantan berjaya mengadaptasi teknologi penanaman dengan sokongan agensi kerajaan.

Lokasi tumpuan harumanis di Kelantan

Beberapa lokasi di Kelantan kini menjadi tumpuan dalam penanaman harum manis, yang berkembang daripada sekadar hobi kepada usaha berskala komersial.

Antara projek awal yang menunjukkan hasil positif adalah di Pondok Moden Kandis, Bachok, yang mengusahakan tanaman ini di bawah Gerakan Pertanian Al-Falah (GEPA Pondok).

Sejak tahun 2019, pusat pengajian ini menanam sekitar 200 pokok harumanis dan pada musim 2024 telah menuai lebih 1,000 biji buah, dengan purata berat mencecah 700 gram sebiji.

Projek ini turut mendapat peruntukan khusus daripada Exco Pertanian negeri. Di Kuala Rekang, Bachok, sebuah lagi projek komuniti dijalankan oleh Rukun Tetangga Sungai Dua yang berjaya menjual kira-kira 240 kilogram buah harum manis dalam musim 2024.

Sementara itu, di Kampung Nibong, Tanah Merah, seorang pengusaha individu, Nor Mazalan Ab Ghaffar, 55, mengusahakan tanaman harumanis secara serius bermula dari minat peribadi sejak tahun 2012.

Dengan tanah seluas 0.4 hektar dan 70 pokok, beliau kini menjadi antara rujukan bagi projek kecil yang berkembang ke arah lebih mapan.

Menurut Nor Mazalan, benih pertama yang ditanam dibawa dari Perlis dan mendapat bimbingan serta sokongan daripada Jabatan Pertanian dan Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Penanaman harumanis di Kelantan kini memasuki fasa baharu apabila turut mendapat dokongan institusi pengajian, pusat latihan pertanian dan jabatan kerajaan.

Transformasi dalam tempoh 10 hingga 12 tahun ini memperlihatkan peralihan daripada tanaman hobi kepada projek komuniti dan komersial yang kian mendapat tempat dalam kalangan petani dan belia tani negeri ini.

Sementara seorang guru dari Kampung Paloh, Tendong, Pasir Mas, Mohd Rosli Yaakub, 51, pula menanam harumanis dalam pasyur sejak 2013.

Kolaborasi Kelantan-Perlis lonjakkan teknologi

Kelangsungan kejayaan projek harumanis di Kelantan turut dipacu melalui hubungan strategik dengan negeri asal varieti ini, Perlis.

Antara strategi penting yang sedang dirangka adalah perkongsian teknologi dan penyelidikan, khususnya berkaitan teknik cantuman



Nor Mazalan mengusahakan tanaman harumanis sejak 2012.

klon, balutan buah, penjarangan, kawalan penyakit serta pengurusan air.

Tambah beliau, langkah kedua ialah penubuhan tapak ujian varieti harumanis di Kelantan, antaranya di Tok Bali, Telong dan Pasir Tumboh yang bakal melibatkan kerjasama dengan MARDI, Jabatan Pertanian dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

"Melalui penyelidikan mikroiklim dan penyakit tempatan, kita dapat pastikan harumanis dapat disesuaikan dengan persekitaran Kelantan," katanya.

Kerajaan negeri turut merancang menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pertanian Kelantan dan Perlis sebagai usaha rasmi untuk memindahkan teknologi, benih dan bahan input pertanian secara berterusan.

Permintaan tinggi dan sambutan rakyat Kelantan

Kehadiran harumanis semakin dirasai dalam pasaran tempatan apabila permintaan terhadap buah ini meningkat saban tahun meskipun pengeluarannya masih terhad.

Musim buah antara bulan April hingga Jun menyaksikan setiap hasil tuai habis dijual dalam tempoh yang singkat, membuktikan sambutan pengguna sangat memberangsangkan.

Menurut beberapa petani, penerimaan komuniti terhadap harumanis sangat positif kerana buah ini bukan

sahaja mempunyai nilai pasaran yang tinggi, malah mudah dijual tanpa perlu saluran pengedaran yang kompleks.

Ageni seperti Jabatan Pertanian Kelantan dan Perlis pula terus memainkan peranan aktif dalam memberikan latihan, teknikal dan benih sah kepada pengusaha tempatan bagi memastikan hasil berkualiti dan konsisten.

Varieti premium dengan rasa unik

Mangga harumanis dikenali sebagai varieti premium kerana rasa dan aromanya yang tersendiri.

Ia merupakan hasil kacukan antara varieti tempatan dan Indonesia, dengan ciri-ciri fizikal seperti warna kulit hijau kekuningan apabila matang dan isi oren pekat yang halus, tidak bersekat dan sangat manis.

Berat sebiji buah harum manis biasanya antara 400 hingga 700 gram, manakala pokoknya boleh mencecah sehingga 15 kaki (4.6 meter) tinggi.

Ia hanya berbuah setahun sekali dan memerlukan penjagaan rapi dari segi pemangkasan, pembajaan serta pengurusan air, terutamanya semasa musim hujan untuk mengelak serangan kulat.

Dengan potensi ini, harumanis bukan sahaja menawarkan nilai tambah kepada pengusaha pertanian Kelantan, malah boleh menjadi komoditi baharu yang berdaya saing tinggi di peringkat nasional jika terus diperkasakan.



Tonggan susu spesies dari India

RAMAI pemancing termasuk saya sendiri keliru dengan ikan ini kerana rupanya sangat mirip rohu dan tonggan sisik kasar (kap rumput), sedangkan ia adalah spesies yang berlainan sama sekali.

Oleh Faiz Karim

ADA juga orang memanggilnya rohu susu. Namun, saya tetap mengenalinya tonggan susu kerana mengambil pendapat ramai pemancing berpengalaman yang lain terutamanya daripada pihak Perikanan Malaysia.

Ikan ini merupakan spesies pendatang yang berasal dari India sama seperti ikan rohu. Di negara asalnya, ikan ini hidup liar di Sungai Cauvery yang berarus dan berjeram batu.

Ikan ini tidak berjaya membiak secara semula jadi di perairan seperti tasik atau lombong kerana ia memerlukan sungai berarus untuk bertelur.

Oleh itu, pembiakan secara aruhan akan dilakukan untuk mendapatkan benihnya.

Spesies ikan ini sebenarnya sudah lama ada di dalam perairan kita, tetapi dalam jumlah yang terkawal sehinggalah terdengar berita ledakan populasinya di sesetengah lombong dan tasik di Malaysia.

Pada asalnya, ia dibela sebagai sumber makanan, namun mungkin akibat terlepas dari kurungan, ia mula membina populasinya di sesetengah lokasi terutamanya dalam lombong-lombong di Perak, namun tidak semua lombong dihuni ikan ini.

Tasik Putrajaya

Gambar muka hadapan isu ini merupakan tangkapan di Tasik Putrajaya.

1. Saya bersama ikan tonggan susu yang dipancing di satu lombong di Banir Tapah Perak. Perhatikan sirip dorsal dan ekornya yang amat mirip dengan ikan rohu.

2. Tuan Halimi Hanip memegang ikan tonggan susu di Tasik Putrajaya yang dipercayai sudah mencapai saiz maksimum, tetapi masih tidak mustahil ia boleh membesar lebih lagi jika cukup sumber makanannya.

3. Close-up ikan tonggan susu saiz juvenil. Adakah ia berjaya membiak di lombong yang saya pancing itu kerana ada aliran air masuk dan keluar dari Sungai Chenderiang?

4. Tangkapan ikan tonggan susu saiz kasar di Floria Putrajaya.

jaya iaitu di kawasan Floria Putrajaya yang membenarkan pancingan dilakukan dengan kadar caj dan masa tertentu.

Ikan yang dipegang oleh Tuan Halimi Hanip itu berkemungkinan merupakan saiz maksimum yang boleh dicapai oleh spesies ini iaitu dalam lingkungan antara lima hingga enam kilogram dengan panjang kurang satu meter.

Menurut sumber, ada juga pemancing yang mendapat ikan ini di Sungai Teriang di Jebeu, Negeri Sembilan.

Pada pendapat saya, mungkin ada lagi lokasi-lokasi lain, tetapi tidak dilaporkan atau kita sendiri tidak perasan kerana rupanya seperti ikan rohu atau tonggan sisik kasar.

Dalam bahasa Inggeris, ikan ini dinamakan *mirgal carp* atau *white carp* (*Cirrhinus cirrhosus*). Orang kita bagi nama tonggan di pangkal namanya mungkin kerana rupanya mirip ikan tonggan sisik kasar (kap rumput) dan menambah nama susu di hujungnya kerana warnanya yang keputihan.

Ikan tonggan susu adalah perayap tasik atau lombong yang dihuninya, bermakna ia tidak duduk setempat. Diet utama ikan ini adalah plankton dan makanan yang ada di dasar. Ia juga dapat bertoleransi dengan baik di perairan bersaliniti tinggi.

Ikan ini ialah spesies ikan invasif, jadi ia tidak digalakkan dilepaskan semula dan seharusnya dibawa pulang sebagai hidangan sekeluarga.

